

Dasar persyarikatan Malaysia berjaya

UM - 4/10/2005

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Dasar Persyarikatan Malaysia yang diamalkan berjaya membangunkan negara ini berbanding negara membangun lain di seluruh dunia.

Bekas Perdana Menteri berkata, polisi mesra perniagaan yang menjadi teras kerajaan membantu Malaysia merangsang dana tempatan dan asing.

"Apabila Malaysia mahu membangun dengan cepat, kita kaji cara Jepun yang mampu bangkit dengan pantas selepas dibom oleh Amerika Syarikat semasa Perang Dunia Kedua.

"Persyarikatan Malaysia adalah inspirasi dari negara berkenaan," katanya semasa menyampaikan siri syarahan Tunku Abdul Rahman ke-23 bertajuk *Persyarikatan Malaysia: Tuntutan Kepimpinan dan Pengurusan Dalam Abad ke-21* di sini, malam ini.

Siri syarahan itu anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM) yang turut dihadiri oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Presiden MIM,

Tun Mohammed Hanif Omar dan Pengerusi penganjur, Datuk Dr. Mohamed Munir Abdul Majid.

Dr. Mahathir berkata, Jepun bangkit daripada kehancuran dengan mewujudkan polisi kerjasama rapat antara kerajaan dan masyarakat perniagaan.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan Jepun itu dipandang serong oleh dunia Barat.

Sebaliknya, Barat berkempen dengan mengangap kejayaan Jepun sebagai jenayah.

"Barat tidak akan berkelakuan seperti itu jika Jepun gagal dan tidak maju.

"Apabila Malaysia mahu cepat membangun, kita belajar cara Jepun dan semestinya kita pandang ke Timur seterusnya kita dapati konsep yang diamalkan Jepun adalah faktor kejayaan negara itu," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan melihat ekonomi secara keseluruhan bukan hanya bergantung kepada cukai dan kerana itu dasar persyarikatan dilihat sebagai sesuatu yang baik.

Malaysia, ujar beliau, membangun dengan pesat berbanding negara membangun lain dan keadaan

ini mengakibatkan negara asing cemburu.

"(Kata mereka) Malaysia mesti menipu dan mereka dapati Persyarikatan Malaysia memberi banyak faedah kepada kroni-kroni dan mereka menjadi kaya.

"Ini bagi mereka salah termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB)," tambahnya.

Jadi dalam soal itu, jelasnya lagi, untuk mengelakkan tuduhan mengamalkan kronisme maka kerajaan tidak akan bekerjasama atau membantu sesiapa pun di bawah dasar itu.

"Selepas itu apa akan jadi? Seluruh ekonomi negara akan gagal dan kerajaan tidak lagi dituduh mengamalkan kronisme, tetapi kesudahannya ekonomi negara akan gagal sepenuhnya," jelas beliau.

Sehubungan itu, kata Dr. Mahathir, kerajaan tidak pernah kesal menyerap dasar itu kerana terdapat pengajaran untuk para pemimpin dan pengurus pada abad ini.

"Abad ke-21 telah membawa perubahan yang memerlukan satu pemikiran baru dan perlunya para pemimpin dan pengurus meneliti setiap apa yang mereka lakukan," jelas beliau.